

Promosi Tahun Baru Cina Akaun HLB Meezani-i 2026 [\(English Version\)](#)

(Kemas kini terakhir pada 8 Disember 2025)

TEMPOH PROMOSI

Promosi Tahun Baru Cina Akaun HLB Meezani-i 2026 ("**Promosi**") Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**" atau "**Bank**") bermula pada **3 Februari 2026** dan berakhir pada **3 Mac 2026** termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Promosi**"), melainkan dimaklumkan sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Berikut adalah Terma & Syarat Promosi ("**T&S**") Promosi:

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang merupakan pemegang akaun baharu ("**Pelanggan**") bagi Akaun HLB Meezani-i ("**Akaun**"). Pemegang akaun baharu merujuk kepada Pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Akaun sebelum Tempoh Promosi.
2. Semua Pelanggan yang mempunyai Akaun HLB Meezani-i yang aktif dan merupakan pengguna aktif HLB Connect, bermula dari tarikh permulaan pemilihan Ganjaran sehingga penunaian Ganjaran ("**Tempoh Program Ganjaran**"), adalah layak untuk menyertai Program Ganjaran ini.
3. Mana-mana pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah laku berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLISB, atau telah diisytiharkan muflis (berdasarkan petisyen oleh HLISB atau institusi kewangan lain atau oleh mana-mana pihak ketiga, atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi) adalah **TIDAK** layak untuk menyertai promosi ini.

KAEDAH PROMOSI

4. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan MESTI memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 untuk Promosi A atau Jadual 2 untuk Promosi B di bawah semasa Tempoh Promosi ("**Pelanggan Layak**").

a) PROMOSI A: TAWARAN UMUM

Jadual 1

No.	Kriteria Kelayakan
1	Pelanggan mesti membuka Akaun dengan deposit permulaan minimum sebanyak RM1,688 dan mengekalkan akaun deposit tersebut atau lebih untuk tempoh satu (1) bulan .

b) PROMOSI B: TAWARAN EKSKLUSIF SATU HARIJadual 2

No.	Kriteria Kelayakan
1	Pelanggan mesti membuka Akaun dengan deposit permulaan minimum sebanyak RM3,888 pada 4 Februari 2026 dan mengekalkan amaun deposit tersebut atau lebih untuk tempoh satu (1) bulan .

GANJARAN DAN PENYEMPURNAAN PROMOSI

5. Pelanggan Layak yang memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan di atas akan berpeluang untuk menerima ganjaran seperti yang ditentukan dalam Jadual 3 ("**Ganjaran**") di bawah:

Jadual 3

Kategori Promosi	Ganjaran	Jumlah Pemenang
Promosi A	RM88 E-Angpow	50
Promosi B	RM88 E-Angpow dan Samsung Galaxy Fit3	18

6. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:
- (a) Pada akhir Tempoh Promosi, Pelanggan Layak akan mendapat hanya **satu (1) penyertaan berdasarkan kriteria kelayakan** secara automatik.
 - (b) Daripada kumpulan tersebut, Pelanggan Layak akan dipilih oleh Bank untuk menerima Ganjaran ("**Pemenang**").
 - (c) Setiap Pemenang hanya layak untuk mendapat satu (1) Ganjaran sahaja sepanjang Tempoh Promosi.
7. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan Layak yang menyertai **Promosi B tidak layak** untuk menyertai atau menerima Ganjaran di bawah Promosi A, dan begitu juga sebaliknya.
8. Pihak Bank akan memaklumkan Pemenang dalam tempoh sembilan puluh (90) hari perniagaan selepas Tempoh Promosi tamat sama ada melalui e-mel, telefon, makluman In App Push (IAP) atau apa-apa cara lain yang dianggap praktikal oleh pihak Bank ("**Makluman Pemenang**"). Makluman adalah atas dasar usaha terbaik berdasarkan butiran pelanggan terkini yang diberikan oleh Pelanggan Layak seperti yang tertera dalam rekod HLISB.
9. E-Angpow akan dikreditkan ke dalam Akaun Pemenang dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Makluman Pemenang.
10. Untuk Ganjaran Bukan Tunai, Pemenang dikehendaki mengambil Ganjaran daripada pihak Bank atas kos dan perbelanjaannya sendiri. Bank tidak bertanggungjawab untuk menanggung kos

tersebut. Pemenang dikehendaki mengemukakan Kad Pengenalan (NRIC) mereka dan menandatangani borang pelepasan untuk menuntut Ganjaran mereka dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Makluman Pemenang. Jika Pemenang tidak dapat dihubungi atau gagal menuntut Ganjaran dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Makluman Pemenang, pihak Bank berhak untuk membatalkan Ganjaran tersebut dan memilih Pemenang alternatif.

11. Sekiranya Ganjaran tidak diterima, Pemenang bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Makluman Pemenang. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pemenang akan dianggap telah menerima Ganjaran tersebut dan pihak Bank tidak akan melayan sebarang aduan mengenai kegagalan penerimaannya. .
12. Sekiranya Pemenang tidak dapat mengambil Ganjaran tersebut, Pemenang boleh mewakili seseorang untuk mengambil Ganjaran tersebut bagi pihaknya. Syarat yang dinyatakan di sini adalah terpakai kepada wakil tersebut. Wakil tersebut dikehendaki mengemukakan surat kuasa secara bertulis daripada Pemenang dan salinan Kad Pengenalan Pemenang (depan dan belakang).
13. Ganjaran tidak boleh ditukar dan/atau dipindah milik. Ganjaran akan diberikan kepada Pemenang atas dasar seadanya sahaja. HLISB berhak untuk menggantikan Ganjaran dengan item lain yang mempunyai nilai yang sama atas budi bicara sekiranya Ganjaran tidak tersedia atau berlaku keadaan luar jangkaan, dan sebagainya.
14. Pihak Bank tidak memberikan representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Ganjaran dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Ganjaran yang hilang, dicuri atau rosak.
15. Pemenang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) akibat daripada penyertaan mereka dalam Kempen ini, penebusan dan/atau penggunaan Ganjaran dan bersetuju untuk melepaskan dan menahan Bank secara bebas dan tidak berbahaya daripada sebarang liabiliti.
16. Pemenang bersetuju bahawa maklumat peribadi mereka termasuk nama, empat (4) digit terakhir nombor Kad Pengenalan dan/atau empat (4) digit terakhir nombor Akaun mereka boleh digunakan untuk tujuan Promosi termasuk penerbitan senarai Pemenang di laman web Bank atau laman web promosi.
17. Akaun Pemenang **MESTI** kekal sah/aktif dan dalam keadaan baik sehingga sembilan puluh (90) hari perniagaan selepas Tempoh Promosi. Pemenang tidak boleh melanggar mana-mana T&S ini, Terma & Syarat Akaun HLB Meezani-i dan Terma dan Syarat Kad Debit-i (secara kolektif dirujuk sebagai “**Terma & Syarat Berkenaan**”). Sekiranya gagal, Pemenang akan hilang kelayakan secara automatik daripada Promosi ini.
18. Visual Ganjaran di laman web HLISB atau sebarang bahan promosi rasmi bagi Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

UMUM

19. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan dengan ini:

- (a) mengesahkan telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Berkenaan;
- (b) bersetuju bahawa keputusan HLISB atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan;
- (c) bersetuju untuk mengakses www.hlisb.com.my ("**Laman Web Bank**") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Promosi dan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S;
- (d) bersetuju bahawa Ganjaran tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai pendahuluan, kredit, cek atau manfaat barangan;
- (e) bahawa T&S ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal kepada Pelanggan atau dengan mengemas kini T&S di Laman Web HLISB;
- (f) bersetuju untuk bertanggungjawab sepenuhnya dan hendaklah menanggung secara peribadi segala cukai, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang berkuat kuasa, jika ada, berkenaan dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini."

20. HLISB berhak:

- (a) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang disenaraikan di dalam ini, sama ada sepenuhnya atau sebagiannya, atau untuk menamatkan Promosi, dengan cara menyiarkan tambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S atau penamatan Promosi ini di Laman Web HLISB atau dalam apa-apa cara lain yang dianggap praktikal oleh pihak Bank dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pelanggan Layak;
- (b) untuk membatalkan kelayakan Pelanggan Layak yang:
 - (i) pernah melakukan, atau disyaki melakukan penipuan, perbuatan yang menyalahi undang-undang atau kesalahan berhubung dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh HLISB;
 - (ii) sedang menghadapi prosiding muflis, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
 - (iii) telah melanggar mana-mana Terma dan Syarat Berkenaan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi;
- (c) untuk menarik balik mana-mana Ganjaran yang dibayar dan mengembalikannya ke dalam peruntukan Ganjaran sekiranya terdapat sebarang penipuan yang dikesan, atau ketidakpatuhan mana-mana T&S Promosi ini dan/atau Terma dan Syarat Berkenaan; dan
- (d) untuk menggantikan Ganjaran mengikut budi bicaranya, dengan memaparkan notis di Laman Web HLISB dan adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan Layak untuk menyemak kemas kini tersebut.

21. Sebagai tambahan kepada T&S tertentu di dalam ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkenaan hendak dibaca bersama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, maka T&S tertentu di dalam ini hendak diutamakan setakat percanggahan tersebut.

22. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara T&S tertentu di dalam ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S seperti yang terdapat Laman Web HLISB hendak diutamakan.

23. T&S tertentu di dalam ini adalah tertakluk pada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

24. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Akaun HLB Meezani-i tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke akaun bukan deposit.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.

AMARAN

PULANGAN TERHADAP AKAUN PELABURAN-i INI AKAN BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. JUMLAH MODAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN MENANGGUNG RISIKO TIDAK MEMPEROLEHI SEBARANG PULANGAN SAMA SEKALI. AKAUN PELABURAN-i INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.